

## ATURCARA UMUM PERJALANAN UMRAH 9 HARI 7 MALAM

SEKTOR PENERBANGAN : KUALA LUMPUR - JEDDAH / MADINAH - KUALA LUMPUR (KUL/JED - MED/KUL)

### HARI PERTAMA : KUALA LUMPUR - JEDDAH

- Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) **4 jam sebelum masa penerbangan** yang ditetapkan.
- Daftar masuk bagasi di kaunter dan mendengar taklimat ringkas dari wakil syarikat.
- Selepas urusan daftar masuk beg dan semakkan imigresen, jemaah akan menaiki kapal terbang **terus ke Jeddah**.
- Jemaah perlu dalam berpakaian IHRAM di KLIA dan bermiqat di Qarnumanazil (niat umrah di atas kapal terbang).
- Penerbangan dari Kuala Lumpur ke Jeddah mengambil masa lebih kurang 9 jam 10 minit.

### SETELAH TIBA DI JEDDAH

- Selepas tiba di lapangan terbang Jeddah, jemaah akan di bawa dengan menaiki bas ke Hotel Makkah.
- Tempoh perjalanan anggaran 1 jam bergantung kepada keadaan semasa.
- Jemaah akan mendaftar di tempat penginapan dan kemudian akan dibawa oleh Mutawwif yang bertugas untuk menyempurnakan ibadah umrah wajib (Tawaf, Sa'ie dan Tahallul).
- Selesai umrah, jemaah bebas untuk beribadat di dalam Masjidil Haram

### HARI KE-2 : MAKKAH AL MUKARRAMAH

- Aktiviti bebas. (Jemaah digalakkan untuk memperbanyakkan ibadah di dalam Masjidil Haram)

### HARI KE-3 : MAKKAH AL MUKARRAMAH

- Jemaah akan dibawa oleh Mutawwif untuk menziarahi sekitar Makkah dengan menaiki bas. **ZIARAH LUAR JA'RANAH**-Jabal Rahmah, Mina, Muzdalifah, Jamrat, Jabal Thur, Jabal Nur, Masjid Jaranah (jemaah yang ingin melakukan ibadah umrah berikutnya boleh bermiqat di sini)
- Jemaah perlu membawa ihram bersama-sama dan melakukan ibadah umrah secara persendirian tanpa bimbingan Mutawwif

### HARI KE-4 : MAKKAH AL MUKARRAMAH

- Jemaah akan dibawa oleh Mutawwif untuk menziarahi sekitar Makkah dengan menaiki bas.
- ZIARAH LUAR HUDAIBIYAH**-Ladang Unta, Muzium Makkah, Masjid Hudaibiyah (Jemaah yang ingin melakukan ibadah umrah perlu membawa ihram bersama-sama dan melakukan ibadah umrah secara persendirian tanpa bimbingan Mutawwif.)

### HARI KE-5 : MAKKAH - MADINAH

- Tawaf Wida di Level 1 atau 2. (Tertakluk kepada perubahan & SOP semasa)
- Daftar keluar hotel.
- Jemaah bertolak ke Madinah dengan menaiki bas.
- Daftar Masuk hotel di Madinah

### HARI KE - 6 : MADINAH AL MUNAWWARAH

- Jemaah akan di bawa oleh Mutawwif untuk menziarahi sekitar Masjid Nabawi. (**ZIARAH DALAM MASJID NABAWI**)
- Antara lokasi yang akan dibawa adalah: Taman Saqefah Bani Saedah, Perkuburan Baqi', Lokasi Makam Rasulullah, Lokasi Raudhah, Masjid Nabawi (Tertakluk kepada perubahan & Mengikut waktu yang bersesuaian)

### HARI KE - 7 : MADINAH AL MUNAWWARAH

- Jemaah akan dibawa oleh Mutawwif menaiki bas untuk **Ziarah Luar Kota Madinah**: Masjid Quba (jemaah dinasihati agar berwudhu di hotel sebelum bergerak ke Masjid Quba), Masjid Qiblatain, Masjid Tujuh, Bukit Uhud, Ladang Kurma
- Taklimat keberangkatan pulang ke Kuala Lumpur (malam).

### HARI KE - 8 : MADINAH AL MUNAWWARAH

- Daftar keluar dari hotel.
- Kumpul beg di hadapan pintu bilik.
- Jemaah akan bergerak ke lapangan terbang Madinah untuk pulang ke Kuala Lumpur.

### HARI KE - 9 : MADINAH - KUALA LUMPUR

- Penerbangan dari Madinah ke Kuala Lumpur

### NOTA PENTING :

Semua aturcara adalah cadangan sahaja dan masih tertakluk kepada perubahan dan pindaan mengikut keadaan semasa dan SOP terkini yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi. Pihak syarikat tidak akan membayar ganti rugi untuk lawatan yang tidak diikuti atau dibatalkan atas faktor-faktor yang diluar kawalan pihak syarikat.

